

ISU PERLOMBONGAN BAUKSIT



AIR LAUT MERAH... Seorang anak nelayan, Zulfan Mohd Said (kiri) gusar melihat keadaan air laut yang bertukar warna menjadi merah ketika menemani rakannya menyauk ikan di Jeti Pasar Nelayan Kampung Balok, Kuantan baru-baru ini. Kebanyakan penduduk percaya ia berpunca daripada tanah bauksit yang mengalir ke sungai akibat hujan lebat. - UTUSAN/MAHATHIR ALI



ANGGOTA JPI membuat pemeriksaan ke atas lori-lori bauksit di Jalan Pintasan Kuantan-Pelabuhan baru-baru ini yang menjadi lokasi sebuah lori tercabut tayarnya sehingga menyebabkan kemalangan maut seorang guru pada 23 Disember lalu.

Manfaat tempoh penangguhan untuk cari penyelesaian

(UTUSAN MALAYSIA 5 JAN 2016 N/55) (DALAM NEGERI)

■ KUANTAN 4 JAN.

TEMPOH penangguhan kegiatan perlombongan bauksit di daerah ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin bagi menambah baik prosedur operasi standard (SOP) termasuk dari sudut pengangkutan dan penyimpanan stok supaya aktiviti itu dapat dijalankan secara lestari tanpa menyusahkan penduduk serta mencemarkan alam sekitar.

Ahli Majlis Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) negeri, Noor Jehan Abu Bakar berkata, penangguhan itu akan menjadi sia-sia jika satu cadangan konkrit dan berkesan gagal dikemukakan dalam tempoh tersebut bagi mengatasi isu bauksit yang mencetuskan kebimbangan risiko pencemaran alam sekitar serta bantahan meluas penduduk.

Katanya, pandangan semua pihak berkepentingan seperti penduduk setempat dan nelayan perlu diambil kira dalam merangka pendekatan baharu atau bagi memperkemas SOP berhubung operasi perlombongan bahan mineral tersebut.

"MNS percaya limpahan ekonomi dan kelestarian alam sekitar boleh bergandingan jika mempunyai SOP yang kemas serta tegas termasuk dari sudut undang-undang. "Jika gagal' berbuat demikian, masalah yang timbul ekoran ak-

tiviti perlombongan bauksit itu akan berterusan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kelmarin, Kabinet dilapor mengarahkan perlombongan bauksit di sekitar daerah ini dihentikan sementara selepas berlaku perubahan ketara kepada alam sekitar dengan yang terbaharu, air sungai dan laut berhampiran bertukar menjadi merah.

Susulan keputusan Kabinet itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai mengumumkan Kementerian itu akan mengaji semula kaedah penggunaan pengangkutan bagi membawa bauksit.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awan dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Pahang

(UMP), Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani berkata, penyelesaian terhadap isu melibatkan perlombongan bauksit itu boleh dicapai jika kegiatan berkenaan dipantau termasuk aktiviti pembersihan bahan mineral berkenaan supaya si-sanya tidak mengalir ke dalam sungai tanpa kawalan.

Katanya, penilaian impak alam sekitar (EIA) juga perlu dibuat secara konsisten supaya masalah dari segi kualiti air dan alam sekitar dapat dipantau.

"Undang-undang sedia ada perlu diperketatkan supaya tiada pihak yang berani melangganya. Pihak berwajib perlu lebih kerap membuat pemantauan dari segi aktiviti dan kawasan perlombongan," katanya.



Pandangan semua pihak berkepentingan seperti penduduk setempat dan nelayan perlu diambil kira dalam merangka pendekatan baharu atau bagi memperkemas SOP berhubung operasi perlombongan bahan mineral tersebut."

NOOR JEHAN ABU BAKAR
Ahli Majlis Persatuan Pencinta Alam Malaysia Negeri Pahang

